

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 07 Julai 2021 12:33
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: NILAI ILMU DAN INSAN DALAM KECEMERLANGAN SOG



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JULAI 2021 / 26 ZULKAEDAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SOG

NILAI ILMU DAN INSAN DALAM KECEMERLANGAN SOG

UUM ONLINE: Melalui slogan "Where Innovation in Government Begins", Pusat Pengajian Kerajaan (SoG) berkeupayaan menjadi entiti yang akan merealisasikan Gagasan Gemilang Akademia dan Admin Holistik (GAGAH) UUM 2021 – 2025.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah menyuarakan harapan agar SoG bersama-sama berganding bahu menjayakan GAGAH UUM.

“Walaupun UUM dikategorikan sebagai ‘young university’ namun tidak mustahil gagasan yang diilhamkan ini mampu menjadi pemangkin ke arah meletakkan kedudukan UUM setanding dengan institusi pengajian tinggi lain yang telah lama ditubuhkan dan tersohor di persada antarabangsa

“GAGAH UUM digubal selari dengan keperluan Pelan Strategik UUM bagi menjamin pencapaian sasaran untuk Teras 2 – Kecemerlangan Penyelidikan dan Teras 3 – Kelestarian Kerjasama Industri & Komuniti,” katanya.

Beliau menekankan peri pentingnya ‘Research, Publication and Innovation Drive (RAPID) Initiative’ yang merupakan pemacu ke arah pencapaian KPI bagi Teras 2. Beliau menjelaskan bahawa inisiatif RAPID yang dipecahkan kepada empat elemen iaitu penyelidikan (RAPID 1), penerbitan (RAPID 2), inovasi @ harta intelek (RAPID 3) dan perundingan (RAPID 4) merupakan tunjang untuk memenuhi sasaran Teras 2.

Beliau turut memberi penekanan kepada gabungan kekuatan staf akademik dan pentadbiran UUM serta mengajak warga SoG untuk mempergiatkan lagi usaha bagi meningkatkan rangkaian dan jumlah kolaborasi dengan pihak industri.

Selain itu katanya, pengenalan inisiatif SQUAD ‘Sustainable Quintuple Helix’ (SQUAD) akan membantu pencapaian KPI bagi Teras 3 dengan lebih cemerlang.

“Dengan kerjasama Pusat Kerjasama Universiti – Industri (CUIC), pelbagai program akan dibangun dan dilaksanakan yang memberi tumpuan kepada kerjasama strategik dengan industri (SQUAD 1) dan komuniti (SQUAD 2),” ucapnya dalam siri program Bual Bicara Bersama TNCPI dengan semua warga SoG.

Sementara itu, Dekan SoG Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada TNCPI yang turun padang menjelaskan sendiri kepada staf mengenai harapan dan tanggungjawab pengurusan universiti, peranan staf akademik dan pentadbiran.

Beliau yakin warga SoG sentiasa mengutamakan tanggungjawab, menyokong serta berusaha keras merealisasikan gagasan yang dilancarkan pihak universiti.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.